



GARIS PANDUAN PERGERAKAN PELAJAR YANG BERADA DI KOLEJ KEDIAMAN KELUAR DAN MASUK KAMPUS UTeM SELARAS DENGAN PASCA KAWALAN PERGERAKAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan ini bertujuan memastikan agar kampus tidak berisiko jangkitan wabak COVID-19 dengan memastikan langkah-langkah pematuhan Kawalan Pergerakan dipatuhi.

2.0 PERMOHONAN KELUAR/MASUK

- 2.1 Permohonan hendaklah dibuat melalui Sistem Maklumat Pelajar (SMP) di menu Kebenaran Keluar Kampus.
- 2.2 Permohonan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya SATU (1) hari sebelum hari keperluan pelajar keluar dan masuk ke kampus semula.
- 2.3 Semakan permohonan boleh dirujuk melalui SMP atau email rasmi pelajar.
- 2.4 Pergerakan keluar/masuk hanya dibenarkan setelah kelulusan diberi.

3.0 PERGERAKAN KELUAR DAN MASUK

- 3.1 Masa
 - 3.1.1 Pelajar dibenarkan keluar dari kampus bermula jam 7.00 pagi hingga 10.00 malam sahaja. Pelajar mesti pulang semula ke kampus sebelum atau pada jam 10.00 malam, hari yang sama.
 - 3.1.2 Pelajar tidak dibenarkan untuk bermalam di luar kampus. Keperluan bermalam adalah dengan kebenaran khas Timbalan Naib Canselor (HEP) sahaja.
- 3.2 Bagi pelajar yang tidak menggunakan kenderaan sendiri, *pick up* dan *drop point* dibenarkan di pintu masuk Kolej Kediaman. Pemandu *E-Hailing* dan kenderaan awam yang lain, perlu menjalankan saringan suhu di Pintu Masuk UTeM dan menunjukkan bukti tempahan kenderaan yang dibuat oleh pelajar sekiranya diminta.
- 3.3 Paparan status hijau pada eTAP pelajar akan di semak dan saringan suhu dibuat oleh Polis Bantuan setiap kali masuk ke kampus.

4.0 PERATURAN UMUM

- 4.1 Sentiasa membawa kad matrik sebagai salah satu pengenalan diri.
- 4.2 Elakkan 3C iaitu :
 - a. elakkan kawasan yang sesak (*crowded place*);
 - b. elakkan kawasan yang sempit (*confined space*); dan
 - c. elak sembang atau bertutur dengan jarak yang dekat (*close conversation*).
- 4.3 Amalkan 3W iaitu ;
 - a. kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*wash*);
 - b. memakai face mask di tempat awam atau tidak bergejala (*wear*); dan
 - c. (*warn*) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti elak bersalaman/bersentuhan, amalkan etika batuk dan bersin, lakukan aktiviti disinfeksi, duduk di rumah dan hanya keluar sekiranya ada urusan penting sahaja serta dapatkan rawatan segera jika bergejala.
- 4.4 Menyimpan rekod pergerakan melalui aplikasi MySejahtera dan memaklumkan kepada pihak Universiti sekiranya diminta berbuat demikian.

5.0 PERKHIDMATAN PENGHANTARAN MAKANAN

- 5.1 Pelajar dibenarkan menggunakan perkhidmatan Penghantar Makanan (seperti Grabfood, Food Panda, McDelivery)
- 5.2 Bagi mengelakkan pertemuan dan perkumpulan antara pelajar dan Penghantar Makanan, adalah digalakkan pembayaran dibuat secara dalam talian (*online*).
- 5.3 Masa masuk dan keluar Penghantar Makanan
 - 5.3.1 pintu masuk Kolej Kediaman 7.00 pagi hingga 10.00 malam
 - 5.3.2 selepas 10.00 malam di Pos Utama Kampus Induk
- 5.4 Penghantar Makanan perlu menjalankan saringan suhu di Pintu Masuk UTeM dan menunjukkan bukti tempahan makanan yang dibuat oleh pelajar sekiranya diminta.
- 5.5 Pastikan SOP dijaga, (memakai *mask*, elak sembang dekat, membasuh tangan/menggunakan *handsanitizer*) dan elakkan sentuhan dengan Penghantar Makanan.

6.0 PERINGATAN

- 6.1 Kesihatan dan Keselamatan diri adalah tanggungjawab pelajar sendiri walaupun berada di mana sahaja terutama ketika di luar kampus.

7.0 PEMATUHAN

7.0 Sekiranya gagal mematuhi arahan/peraturan yang ditetapkan boleh menyebabkan status kebenaran tinggal di Kolej Kediaman dibatalkan.

8.0 MAKLUMAT RUJUKAN

8.1 Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada sebarang perubahan dari pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan UTeM.

8.2 Sebarang pertanyaan hendaklah merujuk kepada Pegawai seperti senarai di bawah:

PENGETUA KOLEJ KEDIAMAN/ PEGAWAI HEP	NAMA	NO.TELEFON
Lestari	Ts. Dr.Kamarul bin Amir Mohamed	019-6542028 kamarulamir@utem.edu.my
Satria (Tuah)	Ts. Dr. Al Amin bin Hj Mohamed Sultan	013-6807786 alamin@utem.edu.my
Satria (Jebat)	Profesor Madya Dr. Muhammad Hafidz Fazli bin Md Fauadi	019-2265389 hafidz@utem.edu.my
Satria (Lekir)	Dr. Norun Najjah binti Ahmat	011-33852713 najjah@utem.edu.my
Satria (Lekiu)	Puan Wan Haszerila binti Wan Hassan	019-3386320 haszerila@utem.edu.my
Satria (Kasturi)	Puan Anisah binti Kasim	016-4454543 anisah@utem.edu.my
Kediaman Luar	Ts. Mohd Hairizal bin Osman	019-2649671 hairizal@utem.edu.my
Pejabat HEP	Encik Azhar bin Mohd Salleh	06-2701923 azhar@utem.edu.my
Pejabat HEP	Puan Mazne binti Ja'affar	06-2701388 mazne@utem.edu.my

8.3 Pertanyaan juga boleh dibuat melalui talian hotline UTeM 06-2702890

9.0 PEMAKAIAN

9.1 Arahan ini adalah untuk edaran secara dalaman sahaja.

Disediakan oleh:

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)